

Headline **Perkongsian bijak UPNM**
Date **13 Jan 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **Zatul Iffah Zolkipliy**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **31**
Article Size **249 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,160**
PRValue **21,480**



KERJASAMA
...Allatif (dua
dari kiri)
bersama Abd
Aziz (kiri),
Zuraidah dan
Mohd Yusuf
berbual
selepas
menandatangani
MoU.

Perkongsian bijak UPNM

MoU dengan 3 agensi tingkat kemampuan graduan

>>Oleh **Zatul Iffah Zolkipliy**

zatuliffah@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Graduan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) berpeluang meningkatkan keupayaan dan kemampuan mereka bukan hanya daripada segi teori tetapi juga praktikal dengan adanya perkongsian bijak UPNM bersama tiga agensi menerusi perjanjian persefahaman (MoU) ditandatangani di sini, semalam.

Naib Canselor UPNM, Letnan Jeneral Datuk Allatif Mohd Noor berkata, perkongsian itu dilihat tepat pada masanya sebagai satu

langkah ke arah merealisasikan visi UPNM menjadi universiti pertahanan perdana bertaraf dunia untuk pendidikan, latihan dan penciptaan ilmu.

Menurutnya, perkongsian itu memfokuskan pembangunan industri pertahanan negara demi memastikan graduan universiti berkenaan mampu bersaing apabila berada di alam pekerjaan sekali gus melahirkan pakar dalam industri pertahanan melalui kerjasama dengan agensi berkaitan seperti bidang komunikasi dan teknologi maklumat serta simulator pengendalian kapal.

“Di samping MoU yang memfokuskan kepada penyelidikan dan pembangunan bagi memantapkan industri pertahanan negara, saya berharap pelajar diberi peluang

ditempatkan di industri mengikut bidang masing-masing supaya mereka dapat menimba ilmu agar tidak melangkah ke alam pekerjaan dengan hanya bergantung kepada teori semata-mata,” katanya selepas Majlis Menandatangani MoU antara UPNM dengan Mimos Berhad, Secure Technology Sdn Bhd (STI) dan Skyview Communication and Technologies Sdn Bhd di UPNM, semalam.

Majlis menandatangani MoU itu disempurnakan Allatif yang mewakili UPNM dengan Mimos diwakili Ketua Pegawai Operasinya, Abd Aziz Abdul Kadir, STI diwakili Pengarah Urusannya, Mohd Yusuf Yacob Carlos dan Skyview Communication and Technologies pula diwakili Pengarah Urusannya, Zuraidah Abdul Latif.